

**PERBANDINGAN DUA TEKNIK UJIAN TINGKAH LAKU DALAM  
PENGUJIAN PENDENGARAN KANAK-KANAK  
2½ HINGGA 3  
TAHUN**

Mawarni Mohd Ridzuan

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membuat perbandingan dua teknik ujian tingkah laku iaitu audiometri peneguh visual (VRA) dan audiometri permainan sebagai ujian yang paling berkesan untuk menguji pendengaran kanak-kanak dua setengah hingga tiga tahun. Perbandingan ini dibuat berdasarkan bilangan tahap respons minimum (MRL) yang diperolehi daripada subjek-subjek dalam VRA dan audiometri permainan serta masa yang diambil untuk menamatkan kedua-dua ujian. Seramai 11 orang kanak-kanak lelaki dan 9 orang kanak-kanak perempuan yang berpendengaran normal dan tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan telah diuji dengan kedua-dua ujian pada hari-hari yang berlainan. Hasil pengujian hipotesis dengan ujian t tidak bersandar, ujian t berpasangan dan khi kuasa dua menunjukkan perbezaan yang ketara di antara MRL yang diperolehi daripada subjek-subjek dalam VRA dan audiometri permainan. Bagaimanapun, tiada sebarang perbezaan yang bermakna boleh dilihat dari segi masa yang diambil oleh subjek-subjek untuk menjalani ujian-ujian. Dapatan kajian ini telah merumuskan bahawa audiometri permainan merupakan ujian tingkah laku yang paling sesuai untuk diaplikasikan sebagai ujian pendengaran kanak-kanak dua setengah hingga tiga tahun. Hasil kajian ini diharapkan agar dapat menjadi panduan kepada audiologis untuk memilih ujian pendengaran yang sesuai dijalankan terhadap kanak-kanak pada peringkat umur ini.

Kata kunci : Audiometri peneguh visual, audiometric permainan

**A COMPARATIVE STUDY OF TWO BEHAVIOURAL TECHNIQUES IN  
TESTING THE HEARING OF 2½- TO 3-YEAR OLD  
CHILDREN**

The objective of this study was to compare two behavioural techniques i.e. visual reinforcement audiometry (VRA) and play audiometry in order to determine the better test technique in testing the hearing of 2½- to 3-year-old children. Comparisons of these tests were by means of comparing the quantity of minimum response levels (MRL) obtained from the subjects and the time taken to complete both tests. 11 boys and 9 girls with normal hearing and no history of medical problems were selected to be the subjects of the study and were tested with both VRA and play audiometry on different days. Hypotheses were tested using independent-t, paired-t and chi-square tests. Results showed that MRL's obtained in both tests differed markedly. However, no significant difference could be observed in the time taken by subjects to complete the tests. Results of the study concluded that play audiometry is the better technique in testing the hearing of 2½- to 3-year-old children. This study is hoped to serve as a guide for audiologists in selecting an appropriate hearing test to be applied to this population.

Key words : Visual reinforcement audiometry, play audiometry

Mawarni Mohd Ridzuan. 2001. A Comparative Study of Two Behavioural Techniques in Testing the Hearing of 2½-3 Year Old Children. Bachelor of Audiology Thesis. National University of Malaysia.